

14/03/2003

Akta KWSP akan diperketat untuk elak penipuan

PETALING JAYA: Kerajaan akan memperketatkan Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan urusan pentadbiran berkaitan pengeluaran caruman bagi mengelak kegiatan penyelewengan.

Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Chan Kong Choy, berkata kerajaan kini sedang meneliti kelemahan berkaitan urusan pentadbiran KWSP dalam usaha meningkatkan semula keyakinan orang ramai terhadap agensi berkenaan.

"Bagaimanapun, secara keseluruhannya, akta dan urusan pentadbiran KWSP masih lagi pada tahap yang baik, tetapi jika perlu untuk meminda semula undang-undang, kami akan berbuat demikian," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas majlis penyampaian Anugerah Bank Komersial Terbaik di Malaysia 2002 kepada Public Bank Bhd oleh Majalah The Asset semalam.

Chan berkata, walaupun kes penipuan pengeluaran wang caruman KWSP belum di tahap serius, kerajaan akan terus berusaha memastikan perkara itu dibendung.

Kelmarin, Pengerusi KWSP, Tan Sri Abdul Halim dilaporkan berkata, agensi itu akan menyerahkan laporan hasil siasatan kes penipuan pengeluaran wang caruman bernilai RM322,488 kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sementara itu, Timbalan Ketua Eksekutif (Operasi) KWSP, Mohd Zabidi Dasuki, pula dilaporkan berkata KWSP memperkenalkan empat langkah bagi mengetatkan prosedur skim pengeluaran caruman kematian.

Langkah itu termasuk penyemakan kesahihan sijil kematian dengan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dan pihak yang mengeluarkan sijil berkenaan seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan hospital.

Selain itu ia turut membabitkan semakan kesahihan identiti pemohon atau penama dengan JPN.

Beliau berkata, semua pemohon perlu membuka akaun bank supaya bayaran pengeluaran disalurkan ke akaun berkenaan kerana bank mempunyai kaedah keselamatan tertentu untuk membuka akaun dan pengeluaran wang.